




ISSN 1511 - 5364 SEPTEMBER - OKTOBER 1999
NASKAH PERCUMA

MALAYSIA NEGARA ASIA KEDUA ANJUR KONGRES JALAN SEDUNIA

Kongres Jalan Sedunia ke-21 yang terakhir bagi abad ini telah diadakan di ibu kota Kuala Lumpur pada 3 Oktober hingga 9 Oktober 1999. Sebanyak 2682 peserta daripada 112

negara termasuk Malaysia yang menganggotai Persatuan Jalan Sedunia mengambil bahagian dalam Kongres berkenaan.

Kongres ke-21 itu, mempunyai signifikan yang

tersendiri memandangkan Malaysia ialah negara Asia kedua selepas Jepun menganjurkan kongres tersebut yang diadakan 4 tahun sekali. Kongres ke-22 akan diadakan di Durban, Afrika Selatan.

KHABAR SEMASA

<i>Persediaan DBKL Menuju Alaf Baharu (Bhg II)</i>	12
<i>Kuala Lumpur dan Kita</i>	13
<i>Jalan Nama Baru</i>	27

WARTA MENARIK

- * *Malaysia Negara Asia Kedua Anjur Kongres Jalan Sedunia*
- * *Citrawarna Malaysia*
- * *KMK DBKL Juara lagi*
- * *Merancang Perjalanan Melalui Komputer*



Yang Berhormat Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff (kiri) semasa berucap di Mayor's Session



ALBUM DBKL

WARTA DBKL



*Datuk Bandar Kuala Lumpur menerima kunjungan hormat
Datuk Bandar Adelaide, Australia, Dr. Jane Lomax Smith*



*Datuk Seri Tajol Rosli Mohd. Ghazali mengadakan lawatan
ke Alam Flora Sdn. Bhd.*



*Datuk Bandar Kuala Lumpur menerima
kunjungan hormat Datuk Bandar Thainen*




*H.E. Dr. Miguel Tulio Cardozo Zamoro, Duta
Ecuador membuat kunjungan hormat di pejabat
Datuk Bandar*



*Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat lawatan ke kawasan
Kg. Kerinci, bersama dengan Y. B. Datuk Shahrizat Abdul Jalil*

DARI MEJA EDITOR



S elari dengan pembangunan negara yang pesat, harapan rakyat semakin meningkat untuk mendapatkan perkhidmatan yang berkesan, berkualiti dan menyeluruh.

Pada masa yang sama, bandar besar seperti Kuala Lumpur mengalami pertumbuhan penduduk terutama dengan penghijrahan dari luar bandar serta pekerja asing yang mencari rezeki di Kuala Lumpur.

Perkhidmatan awam kini berubah kepada perkhidmatan yang lebih baik. Corak kerja hari ini telah berubah. Corak kerja yang lemah serta berunsur *mediocre* tidak lagi mempunyai tempat dalam perkhidmatan awam.

Kakitangan kerajaan harus melengkapkan diri dari segi mental dan rohaniah untuk menghadapi cabaran pembangunan. Jabatan Kerajaan perlu menyediakan logistik dan menggunakan teknologi yang cukup bagi meningkatkan sistem pentadbiran dan pengurusan.

Penggunaan teknologi penting untuk memenuhi harapan daripada pelanggan sama ada dari luar negeri atau penduduk tempatan yang meliputi pelbagai kumpulan. Agensi kerajaan perlu melaksanakan perkhidmatan pendidikan bagi faedah rakyat supaya rancangan dan perkhidmatan yang diberikan dapat memanfaatkan mereka.

Kita harus berbangga dengan kemajuan dan keindahan pembangunan ekonomi negara. Dahulu Malaysia tidak istimewa dan membangun seperti sekarang.

Hari ini segalanya telah dan sedang berubah dengan pesatnya. Perubahan terhadap pembangunan ekonomi, kebersihan dan keindahan Malaysia berkat usaha kita dan sokongan padu oleh agensi kerajaan dan sektor swasta. Penjawat awam harus memberi khidmat yang terbaik yang bermatlamatkan kecemerlangan.

Tanggungjawab mereka luas dan berat. Tanggungjawab pekerja sektor awam akan berterusan dan tidak ada penghujungnya. Cabaran dan masalah akan terus datang dan pergi. Agensi kerajaan harus merempuh segala cabaran di samping berusaha menyelesaikan segala masalah. Mereka bekerja dan berusaha dengan penuh dedikasi, tabah dan sabar agar apa yang dihasilkan berkualiti dan segala masalah dapat ditangani di samping dapat mencapai kecemerlangan.

Selaras dengan kemajuan teknologi maklumat dewasa ini, aspek latihan di kalangan kakitangan yang meliputi semua peringkat, diberi keutamaan. Latihan untuk kakitangan dan pekerja dihantar mengikuti kursus supaya mereka boleh memperoleh pengetahuan baru bagi mempertingkatkan mutu pengurusan dan pentadbiran, serta membudayakan semangat pendedahan pengajaran rohaniah.

Penasihat:
Mohd Yusoff Bin Haji Ibrahim
Editor:
Sariffuddin Bin Ibrahim
Sub Editor:
Zainon Bt. Haji Alias

Jurufoto :

Mubarak Bin Mohd Atan
Abd. Rhani Bin Md. Shohor
Md. Ismail Bin Isnin
Nik Rozali Bin Nik Othman

Edaran:

Ramlan Bin Salleh

Alamat Editor

Warta DBKL, Bahagian Hal Ehwal Awam,
Jabatan Pengurusan Organisasi,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Atau berhubung dengan
Puan Zainon Bt. Haji Alias
Tel: 03-291 6011 samb.3855
Faks: 03-298 0460

PERHATIAN

Semua pendapat dan buah fikiran dalam Warta DBKL
tidak semestinya pendapat rasmi Pentadbiran
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Cetakan

Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Jalan Chan Sow Lin
50554 Kuala Lumpur

Laman Web DBKL: <http://www.tm.net.my/dbkl/>
E-Mail: dbkl_pro@tm.net.my